



kaunseling Remaja

Prof Madya Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Mangsa kekasih hidung belang

Gadis terlanjur mahu bunuh diri, buang bayi dikandung

Soalan
SAYA mempunyai kekasih dan terlalu sayangnya meskipun dia banyak kekurangan. Bagaimanapun, tidak sangka dia hanya mempergunakan saya untuk memuaskan nafsunya. Saya seorang yang lemah semangat dan mudah dipujuk rayu.

Sepanjang tempoh bersama, kami beberapa kali terlanjur. Saya akui itu kelemahan sendiri. Apa yang membimbangkan, kini saya mengandung. Apabila memberitahu kekasih, dia menafikan itu a naknya. Lebih menakutkan, dia menuduh saya curang.

Saya kini amat risaukan kandungan saya. Ibu bapa tidak mengetahui perkara ini. Saya sering terfikir menggugurkan kandungan atau membuang bayi ini jika dilahirkan. Saya tahu perkara ini berdosa dan jika saya ditangkap, saya akan didapati bersalah.

Saya tiada pilihan lain kerana kekasih tidak mahu bertanggungjawab manakala keluarga tidak mengetahui perkara ini.

Saya pernah terfikir membunuh diri kerana tidak sanggup menanggung kesengsaraan hidup.

Menyesal, Kelantan

Jawapan

PUJUK rayu lelaki boleh saja menggegarkan keimanan wanita, apatah lagi, apabila gadis disaluti rasa sayang. Ramai gadis hilang pertimbangan apabila berhadapan dengan kata-kata manis kekasih.

Justeru, berhati-hatilah. Jangan mudah terpesona dengan rayuan manis lelaki kerana akan membuatkan badan merana dan jiwa terseksa.

Palitan hitam peristiwa hidup adik memang menduga kekuatan diri. Begitu juga ia menguji sejauh mana bertanggungjawabnya kekasih atas perbuatannya.

Dr memahami kesengsaraan hidup yang dialami adik. Harapan Dr adik dapat melalui peristiwa getir dengan penuh kesabaran, keimanan yang kuat dan rasional berfikir.

Dr faham bukan mudah seorang perempuan yang tidak berkahwin mengandung tanpa suami di sisi. Dari sudut emosi, ia menyumbang kepada kemurungan dan kebimbangan melampau. Jika tidak dapat mencari tindakan yang betul, fikiran boleh mengarah kepada pengakhiran hidup.

Kerana keterlanjuran sehingga mengandung, adik terfikir untuk melakukan dua dosa iaitu membuang bayi dan membunuh diri. Pusingan jahat ini memang selalu berlaku.

Bermula dengan satu kesalahan, ia bersambung dengan keinginan untuk melakukan dosa lain. Dalam keadaan terdesak dan tanpa sokongan, sering kali keputusan diambil bukanlah yang terbaik.

Islam dan agama lain mengharamkan dan menegah pengguguran dan pembuangan bayi di kalangan masyarakat. Ia boleh dianggap satu dosa besar kerana membunuh dengan niat.

Seperti disebut dalam al-Quran surah An-Nisa' ayat 93:

Maksudnya: "Dan sesiapa yang membunuh mukmin dengan sengaja, maka balasannya neraka jahanam, kekal dia di dalamnya dan Allah murka kepadanya dan melaknatnya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar."

Jika membunuh diri, adik seolah-olah sudah putus asa dengan rahmat Allah dan tidak meyakini kehidupan hari

akhirat. Anggapan dengan membunuh diri akan menamatkan penderitaan tidak benar kerana orang yang ditinggalkan seperti keluarga akan menerima kesannya.

Dalam konteks masalah ini, adik perlu yakin dengan rahmat Allah dan berusaha memajukan diri mengikut lunas yang betul. Masih ada jalan keluar untuk diri adik. Penting bagi adik untuk mengatur strategi hidup berpandukan al-Quran dan sunnah serta akal yang waras.

Dr tahu ia bukan perkara mudah untuk dilakukan. Apatah lagi apabila kekasih yang amat disayangi tidak mahu bertanggungjawab atas bayi yang dikandung.

Jalan keluar ialah bertaubat. Dalam saat sukar ini, adik tidak boleh berseorangan. Pengetahuan keluarga mengenai diri adik yang mengandung penting kerana mereka dapat membantu.

Kasih sayang ibu bapa terhadap anak tiada kesudahan-nya. Tidak dapat dinafikan, ibu bapa akan kecewa dan marah

apabila berhadapan dengan situasi begini. Namun, mereka perlu mengetahui keadaan adik. Ibu bapa yang ikhlas menyayangi anak akan mencari jalan membantu.

Dr pernah terbaca mengenai rumah perlindungan bagi remaja atau gadis yang menghadapi masalah seperti adik. Antaranya, Baitul Fiqh yang membantu remaja yang menghadapi masalah akibat keterlanjuran mereka.

Jangan salah anggap kerana kewujudan pusat perlindungan seperti ini bukan bertujuan menggalakkan persetubuhan haram di kalangan remaja, tetapi menyelamatkan dua nyawa dan memberi peluang kedua kepada gadis terbabit.

Apa yang adik alami memang antara ujian terbesar dan banyak menguji kesabaran. Apa yang berlaku jadikan sebagai pengajaran untuk menjadi orang yang lebih baik.

Jangan mudah berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Dihina apabila ingin berubah

Soalan
SAYA sering berasakan diri seorang yang jahat. Kadangkala saya malu dengan diri sendiri. Sesetengah individu menganggap saya begitu kerana dulu tidak bertudung.

Saya kesal kerana tidak membiasakan diri bertudung sejak kecil selain tertekan apabila ada menganggap saya keji.

Mungkinkah ini dugaan Allah buat diri saya yang ingin berubah? Harap Dr dapat memberi sedikit nasihat supaya saya lebih tabah menghadapi masalah ini.

Jawapan

DR bangga dengan perubahan bertudung yang adik lakukan. "...Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri..." (Surah Ar-R'ad: 11).

Perasaan diri adik seorang yang jahat jika tidak dibuang akan membuatkan adik sentiasa berasa rendah diri dan rasa bersalah.

Sebagai insan biasa, memang tidak terlepas daripada melakukan dosa. Namun, Allah dengan rahmat-Nya selalu memberikan kesempatan kepada mereka yang berbuat

dosa bertaubat daripada segala dosa dan kesalahan.

Memang benar, apabila seseorang ingin berubah, pelbagai dugaan akan menimpa. Adik juga mengalami dugaan apabila ada individu memandang serong. Paling penting dalam proses untuk berubah ialah usaha adik mesti berterusan (istiqamah) dan sabar daripada segala bentuk ujian.

Orang lain pasti akan mengata terhadap perubahan itu tapi bersabarlah kerana ia sebahagian daripada iman. Tanpa kesabaran, sia-sia segala usaha yang ingin dicapai.

Ingin berubah, Kuala Lumpur